

ULASAN BUKU

Judul : Al-Qur'an Menyuruh Kita Sabar
Pengarang : Dr. Yusof Qardhawi
Penerbit : Darul Iman, (Tahun 2000) Kuala Lumpur
Jumlah Halaman : 122 halaman

Allah memerintahkan manusia melalui al-Qur'an supaya bersifat sabar. Sifat ini diulas oleh Dr. Yusof al-Qardhawi dalam buku tulisannya berjudul 'Al-Qur'an Menyuruh Kita Sabar'. Kupasan yang dibuat adalah menyeluruh serta mendalam sehingga semua aspek mengenai tajuk dapat disampaikan secara jelas. Dari kupasan yang dibuat menunjukkan bahawa bersabar adalah perintah dan kewajipan dan tidak boleh dipandang ringan.

Kehidupan manusia seluruhnya memerlukan kepada sifat ini. Ianya terbukti dan dapat dilihat dengan jelas dalam sirah perjuangan para anbia' dan pengikutnya bermula dari nabi Adam a.s. hinggalah nabi terakhir Muhammad s.a.w.. Seterusnya ia memberikan pengajaran kepada seluruh manusia agar mengamalkan sifat ini dalam kehidupan tidak kira dalam apa jua bentuk tindakan.

Buku ini mengandungi lima bab dan setiap bab melabelkan tajuk-tajuk khusus dan kemudian diikuti tajuk-tajuk kecil bagi untuk tujuan dikupas dengan jelas dan mendalam di samping menyertakan nas-nas dari al-Qur'an, al-Hadith dan pendapat ulamak muktabar. Dalam bab pertama dihuraikan tentang hakikat dan kepentingan sabar yang memuatkan beberapa persoalan pokok tentang kepentingannya. Contoh-contoh yang dibawa adalah dari kisah-kisah para anbia' dengan perjuangan mereka yang sentiasa memerlukan sifat sabar. Perkara utama yang ditonjolkan dalam bab ini adalah bersifat sabar adalah wajib dalam kehidupan Muslim.

Bab kedua membicarakan aspek-aspek sabar seperti yang disebutkan al-Qur'an. Aspek tersebut adalah merangkumi persoalan kehidupan manusia dari sekecil-kecil perkara hinggalah seadanya seperti bersabar terhadap musibah dunia, dorongan nafsu, melaksanakan ketaatan kepada Allah ketika dalam kesulitan, dalam peperangan dan bersabar dalam pergaulan sesama manusia. Tuntutan yang dinyatakan adalah meliputi semua aspek kehidupan seorang insan di semua peringkat sosial, dari seorang penguasa hingga kepada seorang manusia yang daif.

Bab tiga pula mengulas tentang kedudukan orang yang bersabar dilihat dari al-Qur'an. Sifat sabar mempunyai kaitan yang amat rapat dengan kekuatan mental dan seterusnya mengangkat martabat iman, justeru itu Allah S.W.T. amat menyanjung dan mengangkat tinggi martabat orang yang bersabar. Pujian Allah kepada mereka yang bersabar dan mengaitkan dengan keimanan kepada orang

yang beriman adalah jelas sifat ini amat penting dalam apa jua bentuk hal yang dilalui dalam kehidupan manusia.

Bab keempat memaparkan tentang contoh pelaku sabar melalui teladan para anbia' yang berjuang menegakkan kebenaran dan menyampaikan risalah Allah di muka bumi. Perjuangan yang dilalui oleh semua pesuruh Allah adalah dengan kesabaran seperti dalam kisah nabi Ayub a.s., nabi Yaaqub a.s., nabi Yusuf a.s., nabi Ismail a.s. dan kesemua nabi yang bersifat ulul-Azmi. Tentunya kesemua contoh yang ditunjukkan adalah sesuai sekali yang menjadikan buku ini amat berfaedah untuk dibaca.

Akhir sekali dalam bab kelima, pengarang mengulas tentang sanjungan al-Qur'an kepada mereka yang memiliki sifat sabar. Kaitan sifat sabar dengan kehidupan manusia adalah tidak boleh dipisahkan dan adalah menjadi salah satu aspek yang penting yang patut difahami oleh manusia. Semua aspek yang dilalui oleh insan dalam kehidupannya adalah memerlukan kesabaran sehingga sampai ke tahap akhir, sekiranya sifat ini tidak boleh diaplikasikan dalam kehidupan mereka perlu memohon kepada Allah agar ini dikurniakan kesabaran yang tinggi dalam menghadapi apa sahaja perkara dalam kehidupan.

Kupasan yang dilakukan oleh penulis tentang sabar adalah memperjelaskan akan perintah Allah yang boleh disamakan dengan perintah-perintah Allah yang lain dalam Din al-Islam. Bersabar merupakan sunah Allah dalam kehidupan yang dilalui setiap hari. Penulis begitu perihatin dalam mengupas tajuk ini. Keperihatinannya dapat dilihat apabila beliau dapat membawakan setiap aspek perbincangan dengan mengemukakan petikan dalil dari al-Qur'an, al-Hadith dan sirah para mursalin. Justeru itu boleh disimpulkan bahawa sabar adalah perintah dan menunaikannya adalah kewajiban.

Abdul Mubin A. Gani